



## SIARAN MEDIA

### ADUN MINTA MAJLIS BANDARAN BERI TAKLIMAT KEPADA PENDUDUK SIERRAMAS, VALENCIA

Merujuk kepada artikel yang disiarkan oleh portal berita Free Malaysia Today bertajuk '**ADUN Minta Majlis Bandaran Beri Taklimat Kepada Penduduk Sierramas, Valencia**' pada 8 Jun 2023, pihak Majlis Perbandaran Selayang telah mengambil maklum terhadap kebimbangan yang diajukan oleh penduduk di kawasan perumahan Sierramas dan Valencia, Sungai Buloh.

Berdasarkan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang (Penggantian) 2030, kawasan yang dilaporkan adalah berada di dalam zon pembangunan kediaman dan juga komersial. Mengambil kira permasalahan tentang kesesakan yang ditimbulkan, satu Mesyuarat Cadangan Pelebaran dan Menaiktaraf Jalan Sierramas Utama ke Sungai Buloh / Jalan Sierramas Barat ke Jalan Hospital yang melibatkan pembangunan di kawasan Sierramas, Sungai Buloh bersama-sama pihak pemaju telah diadakan pada 6 Jun 2023 bagi membincangkan isu-isu berkaitan pembangunan dan naik taraf infra di kawasan tersebut.

Berhubung dengan pandangan penduduk terhadap aktiviti pembangunan di kawasan ini, MPS akan mengadakan sesi perbincangan dalam waktu terdekat bersama pemimpin tempatan dan juga wakil penduduk untuk menerangkan tentang perancangan pembangunan dan isu melibatkan kawasan tersebut.

**#TAMAT#**

#### Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Perhubungan Awam  
Jabatan Korporat

b.p. **Yang Dipertua**  
**Majlis Perbandaran Selayang**

**14 Jun 2023**